# PP("Komp")

**Pertandingan Pengaturcaraan Komputer**

## Pengenalan:

PPKomp (Pertandingan Pengaturcaraan Komputer) adalah pertandingan tahunan pengaturcaraan komputer untuk pelajar sekolah rendah/menengah dan pelajar kolej/universiti. Pertandingan ini dianjurkan oleh Fatihah Education Consultants. Ianya adalah pertandingan penyelesaian masalah secara individu dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan.

## Objektif:

### Latihan

Matlamat utama PPKomp adalah untuk melatih dan mendidik pelajar dalam pengaturcaraan.

### Menarik Minat

PPKomp juga bertujuan untuk menarik minat pelajar secara mendalam terhadap subjek pengaturcaraan (yang selalu disalah anggap sebagai subjek sukar oleh kebanyakan pelajar).

### Pengalaman Bertanding

Setiap pelajar mempunyai peluang yang sama untuk mendapat pengalaman menyertai pertandingan kerana PPKomp terbuka untuk SEMUA pelajar.

### Aplikasi

Pertandingan ini memboleh pelajar mengaplikasi pengetahuan dalam pengaturcaraan dan teknik-teknik pemikiran komputasional yang dipelajari di sekolah/kolej.

### Penyelesaian Masalah

Menggunakan matematik dan pengaturcaraan sebagai alat, pelajar didedahkan dengan masalah yang dapat mengasah kemahiran berfikir secara logik, kritis dan kreatif.

### Pengayaan

PPKomp mempopularkan akitivi pengayaan sains komputer di kalangan pelajar dan guru/pensyarah di Malaysia.

## Kategori:

Terdapat 6 kategori pertandingan.

1. Bongsu: 12 tahun dan ke bawah (murid sekolah rendah).
2. Kecil: 13-15 tahun (tingkatan 1-3).
3. Muda: 16-17 tahun (tingkatan 4-5, atau setara).
4. Tengah: Pra-universiti (tingkatan 6, matrikulasi, A-level, diploma, atau setara).
5. Sulung: Universiti (pelajar ijazah sarjana muda dan ke atas).
6. Guru: Kategori khas untuk pendidik yang berminat untuk bertanding. Terbuka kepada semua cikgu, pensyarah, tutor, jurulatih dsb.

## Prosedur Pertandingan:

1. Pendaftaran kumpulan boleh dibuat oleh pengurus kumpulan masing-masing.
2. Setiap peserta mesti ada akaun HackerRank. Boleh gunakan akaun HackerRank lama atau boleh daftar yang baru.
3. *Download* dan lengkapkan borang pendaftaran di www.ppkomp.com.my/pendaftaran
4. Hantar borang lengkap melalui Telegram @fatihahEdu.
5. Pengurus kumpulan akan dimasukkan dalam satu *group* Telegram yang dibangunkan oleh penganjur untuk berurusan semasa pertandingan.
6. *Link* latihan akan diemail kepada setiap peserta mengikut senarai email pada borang pendaftaran.
7. *Link* soalan pertandingan akan diemail kepada setiap peserta selewat-lewatnya sehari sebelum hari pertandingan.
8. Pengurus kumpulan menjalankan pertandingan di tempat masing-masing.
9. Pengurus kumpulan bertanggungjawab menguatkuasakan peraturan pertandingan kepada setiap peserta kumpulan.
10. Keputusan pertandingan akan diumumkan 14 hari selepas pertandingan tamat.
11. E-Sijil akan dikeluarkan 7 hari selepas keputusan pertandingan diumumkan.
12. Sijil fizikal dan hadiah akan diposkan mengikut nama dan alamat pengurus pertandingan seperti pada borang pendaftaran 2 bulan selepas keputusan diumumkan.

## Mod Bahasa:

Set soalan dibuat dalam 2 mod bahasa iaitu Bahasa Melayu dan *English*.

## Bahasa Pengaturcaraan:

Peserta boleh memilih sama ada ingin menggunakan bahasa Python, Java, JavaScript, PHP, C, C++, C#, VB.Net, atau Ruby.

## Rujukan Internet:

Rujukan/tutorial di internet dan carian Google adalah:

1. dibenarkan untuk peserta kategori Bongsu, Kecil, Muda, dan Tengah.
2. TIDAK dibenarkan untuk peserta kategori Sulung (pelajar peringkat undergraduate atau postgraduate, mempertimbangkan pengalaman dan pendedahan pelajar universiti yang luas).

## Integriti Peserta & Pengurus Kumpulan:

SEMUA peserta dan juga pengurus kumpulan TIDAK DIBENARKAN untuk membincangkan soalan atau berkongsi penyelesaian dengan peserta lain atau pihak luar di mana-mana platform komunikasi semasa pertandingan sedang berlangsung.

Peserta TIDAK DIBENARKAN menggunakan AI chatbots, seperti ChatGPT atau mana-mana perisian yang serupa, semasa pertandingan berlangsung.

## Bagaimana Nak Buat Latihan?

Set latihan asas dan soalan PPKomp tahun-tahun sebelumnya ada di www.ppkomp.com.my/latihan.

## Format Pertandingan:

Terdapat 3 set soalan iaitu set A, B, dan C. Set A adalah lebih mudah berbanding set C. Terdapat 6 masalah diberikan dalam setiap set semasa pertandingan. Setiap masalah mungkin mempunyai markah yang berbeza.

Masa yang diperuntukkan adalah 2 jam. Peserta hanya perlu menjawab SATU set soalan sahaja. Jika terdapat lebih dari seorang peserta yang mendapat penyelesaian betul, peserta yang menghantar penyelesaian paling awal dikira sebagai pemenang.

Peserta dibenarkan membawa pen, kalkulator, dan kertas A4 untuk pengiraan, merangka, atau melukis algoritma. Buku teks, buku rujukan, dan nota-nota dalam bentuk hardcopy atau softcopy (yang disimpan di dalam komputer sendiri sebelum pertandingan) DIBENARKAN untuk digunakan sepanjang pertandingan.

## Anugerah & Sijil:

- 10% peserta teratas akan menerima pingat emas, perak, dan gangsa beserta Sijil Pencapaian.
- 20% peserta berikutnya atau 100 peserta teratas akan menerima Sijil Sanjungan Kehormat.
- 70% peserta berikutnya akan menerima Sijil Penyertaan.

3 kumpulan terbaik bagi setiap kategori akan menerima hadiah *plaque*.

E-sijil akan dikeluarkan kepada semua peserta dan pengurus kumpulan.

Sijil fizikal dan hadiah akan dipos kepada pengurus kumpulan mengikut alamat pada borang pendaftaran.




| | | |
|---|---|---|
| Tarikh tutup pendaftaran | : | 12/04/2025 (Sabtu) |
| Tarikh pertandingan | : | 19/04/2025 (Sabtu) |
| Masa pertandingan | : | 09:00 – 11:00 pagi (GMT +8) |

Maklumat lanjut sila hubungi:

**Sekretariat PPKomp**

No. 10-B, Lorong Wajo,
Parit Keroma,
82100 Ayer Baloi, Pontian, Johor.

+6017-745.82.83
www.ppkomp.com.my
info@ppkomp.com.my
PPKomp

PP("Komp")
Pertandingan Pengaturcaraan Komputer

## Introduction:

PPKomp (Pertandingan Pengaturcaraan Komputer comes from the Malay word meaning Computer Programming Competition) is an annual coding competition for primary/secondary school students and college/university students. This competition is organized by Fatihah Education Consultants. PPKomp is an individual problem solving competition using a programming language.

## Objectives:

### Practice

Main objective of PPKomp is to train and teach students about programming.

### Attract Interest

PPKomp also aims to draw students' interest in depth to the programming subject (which is often misunderstood as a difficult subject by most students).

### Competing Experience

Every student would have a same chance to get the experience of competing since PPKomp is open to ALL students.

### Application

This competition allows students to apply knowledge in programming and computational thinking techniques that students has learned in school.

### Problem Solving

Using mathematics and programming as tools, students are acknowledged with problems that will help them sharpen their logical and creative thinking.

### Enrichment

PPKomp popularizes computer science enrichment activities among students and teachers/lecturers in Malaysia.

## Categories:

There are 6 categories for participants:

1. Bongsu: Grade 7 and below (12 years old and below).
2. Kecil: Grade 8-10 (13-15 years old).
3. Muda: Grade 11-12 (16-17 years old).
4. Tengah: Pre-university students.
5. Sulung: University students.
6. Guru: Special category for educators that are interested to compete. Open to all teachers, lecturers, tutors, coaches etc.

## Competition Procedures:

1. Group registration can be done by the respective group manager.
2. Each participant must have a HackerRank account. Participants may sign up a new account or use the existing one.
3. Download and complete the registration form at www.ppkomp.com.my/pendaftaran
4. Submit the completed form via Telegram @fatihahEdu
5. The group manager will be added into a Telegram group which was made by organizers to communicate during competition.
6. The practice link will be emailed to each participant according to the email list on the registration form.
7. Competition questions link will be emailed to each participant at least one day before the competition day.
8. Group managers may conduct the competition at their respective venues.
9. The group manager is responsible for enforcing the competition rules on each group participant.
10. Results will be announced 14 days after the competition ends
11. E-Certificate will be issued 7 days after the result announced.
12. Physical certificates and prizes will be mailed according to the group manager's registered name and address 2 months after the results are announced.

## Language Mode:

Problem sets are made in 2 language mode; Malay and English.

## Programming Language:

Participants can choose whether to code in Python, Java, JavaScript, PHP, C, C++, C#, VB.Net, or Ruby.

## Internet Reference:

Online references/tutorials on the internet and Google search are:

1. allowed for Bongsu, Kecil, Muda and Tengah category participants.
2. NOT allowed for Sulung category participants (university students, considering your vast experience and exposure).

## Participants’ & Group Managers’ Integrity:

ALL contestants or participants are STRICTLY NOT ALLOWED to discuss problems or share solutions with other participants or external parties in any communication platforms during the competition.

Contestants are NOT ALLOWED to use AI chatbots, such as ChatGPT or any similar software, during the competition.

## How to Practice?

Basic practice set and past year’s PPKomp problem sets are available at www.ppkomp.com.my/latihan.

## Competition Format:

There are 3 problem sets available which are A, B, and C. Problems in set A is simpler compared to C. There are 6 problems given in each set during the competition. Each problem may have a different score.

The allocated contest time is 2 hours. Participants only need to solve ONE problem set. When there is more than one participant who gets the correct solution, the one who submits first (among others) will be considered as the winner.

Participants are allowed to use pens, calculators, and A4 paper for calculating, drawing or designing algorithms. Textbooks, reference books, and notes in hardcopy or softcopy (stored in your own computer before the contest) are ALLOWED to be used throughout the competition.

## Awards & Certificates:

- Top 10% participants will get gold, silver or bronze medal along with Certificates of Achievement.
- Next 20% participants or top 100 participants will receive Honourable Mention Certificate.
- Next 70% participants will receive Certificate of Participation

3 best groups from each category will receive a plaque.

E-certificates will be issued to all participants and group managers.

Physical certificates and prizes will be mailed according to the group manager's registered name and address.




| | | |
|---|---|---|
| Registration closing date | : | 12/04/2025 (Saturday) |
| Competition date | : | 19/04/2025 (Saturday) |
| Competition time | : | 09:00 – 11:00 a.m. (GMT +8) |

For further inquiries please contact:

**PPKomp Secretariat**

No. 10-B, Lorong Wajo,
Parit Keroma,
82100 Ayer Baloi, Pontian, Johor.

+6017-745.82.83
www.ppkomp.com.my
info@ppkomp.com.my
PPKomp